



SEBAHAGIAN kru nelayan warga asing yang ditahan APMM, kelmarin.

Upah warga asing, penagih jadi kru nelayan haram

HM 15/05/24 MS 7

Georgetown: Semakin ramai warga asing termasuk ada antaranya penagih dadah diambil bekerja sebagai kru nelayan secara haram.

Ini terbukti apabila Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang menahan 10 kru nelayan warga asing ketika mengadakan operasi di jeti Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Batu Maung, kelmarin.

Pengarah APMM Negeri Pulau Pinang Kapten Razali Kasim berkata tangkapan membabitkan lapan pekerja warga Myanmar atas kesalahan gagal mengemukakan permit kerja sah manakala dua lagi masing-masing seorang warga Myanmar dan India di-

dapati menyalahgunakan dadah jenis syabu, dengan kesemuanya berusia lingkungan 20 hingga 45 tahun.

Beliau berkata, operasi bermula 12.30 tengah hari itu turut membabitkan kerjasama Jabatan Imigresen, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Pasukan Polis Marin, Jabatan Perikanan dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Operasi bersepadu ini dibuat susulan maklumat orang awam, bertujuan bagi memastikan kepatuhan pengusaha bot dan nelayan di sini dari segi permit pekerja asing, peralatan selain penyalahgunaan dadah," katanya.

Razali berkata kejayaan operasi turut dibantu oleh

penggunaan aset baharu iaitu kenderaan Mobile Surveillance Unit atau Unit Pengawasan Bergerak (MSU) yang berfungsi sebagai radar dan disesuaikan dengan pacuan empat roda sebagai platform pergeseran yang tahan lasak untuk mengesan sebarang pergerakan keluar masuk mahu pun aktiviti mencurigakan di perairan negara termasuk penyeludupan dan pencerobohan.

"Aset ini telah digerakkan sehari awal dan di tempatkan di kawasan tinggi bagi membuat liputan terhadap sebarang pergerakan mencurigakan dengan pemantauan adalah di Stesen Pengawasan Maritim Laut di Lumut, Perak," katanya.